

BAB 1

Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Secara prinsipnya, sosiolinguistik mengkaji aspek-aspek linguistik yang melibatkan aspek bahasa, struktur dan penggunaan yang berhubungan dengan fungsi-fungsi sosial, kebudayaan dan penggunaannya dalam sesebuah masyarakat yang tertentu. Dengan kata lain, sosiolinguistik meneropong hubungan bahasa dengan masyarakat ataupun bahasa sebagai alat kehidupan manusia. Kajiannya juga melampaui dialek dan bentuk-bentuk pertuturan yang berbeza oleh perbezaan status individu-individu dalam sesebuah masyarakat bahasa. Ini bererti, pelbagai bahan sosiobudaya yang berhubung dengan aspek-aspek linguistik seperti perhubungan sosial harian yang berkaitan pula dengan kebudayaan, masyarakat, kumpulan sosial, bahasa, dialek dan bentuk-bentuk gaya turut dijadikan bahan kajian (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2003:23). Hal ini sejajar dengan pandangan Hudson (1980) yang menyifatkan bidang sosiolinguistik sebagai, *the study of language in relation to society*. Maknanya, sosiolinguistik adalah berkait rapat dengan bahasa dan hubungan bahasa itu dengan anggota masyarakat. Hakikatnya, bahasa dan masyarakat mempunyai hubungan yang erat dalam mencipta sejarah ketamadunan manusia. Ini kerana, pengkajian bahasa tanpa mengaitkannya dengan masyarakat akan mengetepikan

beberapa aspek penting dalam disiplin bahasa itu sendiri. Tambahan pula, bahasa adalah suatu gejala yang sentiasa berubah dan sebahagian daripada punca perubahan itu timbul daripada masyarakat yang menuturkannya.

Menurut Teo Kok Seong (2007:118), tugas utama sosiolinguistik adalah untuk meneliti perbezaan cara-cara yang digunakan oleh anggota masyarakat bagi menyatakan perkara yang sama. Dalam hal ini, sosiolinguistik memberi tumpuan kepada dua perkara. Pertama, gaya bahasa/linguistik, iaitu cara bentuk-bentuk bahasa yang berbeza-beza. Ianya boleh terdiri daripada bunyi, struktur perkataan, kosa kata dan ayat/nahu yang digunakan. Kedua, konteks sosial, iaitu faktor dan dimensi sosial yang mempengaruhi pemilihan/penggunaan bentuk-bentuk bahasa tertentu. Antara faktor sosial yang didapati mempengaruhi penggunaan bentuk bahasa tertentu termasuklah peserta interaksi, latar sosial interaksi, fungsi interaksi dan topik interaksi. Manakala, dimensi sosial yang mempunyai kaitan dengan faktor sosial dan memberi kesan terhadap bentuk-bentuk bahasa yang dipilih oleh seseorang itu antaranya ialah, jarak sosial peserta interaksi, status pihak yang berinteraksi, keformalan dan fungsi interaksi.

Dell Hymes (1966) pula menyatakan, sosiolinguistik mengkaji perlakonan bahasa dari segi hubungan di antara latar (*setting*), peserta (*participant*), tajuk perbincangan, fungsi sesuatu interaksi, bentuk perhubungan, dan nilai-nilai yang dipegang oleh ahli-ahli yang terlibat dalam pertuturan terhadap sesama sendiri. Justeru, setiap individu seharusnya mengetahui pelbagai peraturan berbahasa. Ini bagi membolehkan mereka berbahasa secara yang diterima oleh orang ramai

termasuklah dalam pelbagai situasi. Walau bagaimanapun, sesuatu bahasa itu adalah berbeza-beza kerana ia dibentuk berasaskan kepada tujuan penggunaannya. Maknanya, bahasa yang berlainan menggambarkan cara berfikir yang berlainan kerana sifat sesuatu bahasa itu mempunyai hubungan yang rapat dengan cara hidup masyarakat yang menuturkan bahasa tersebut. Dalam hal ini, aspek budaya turut mempengaruhi pemikiran masyarakat kerana pembinaan budaya itu sendiri berkait dengan sistem nilai dan *worldview*. Pemikiran itu pula dinyatakan dalam konteks bahasa, iaitu sebagai alat komunikasi dan alat lambang-lambang budaya (Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, 2005:134). Dengan bahasa itulah juga, manusia mengikat hubungan dalam bentuk kehidupan bermasyarakat dan berkebudayaan. Kemuncak daripada semua itu ialah peranan bahasa dalam pembinaan dan penakatan sesuatu bangsa (Awang Sariyan, 2005:26).

Bagi Nik Safiah Karim (1981:4), sesuatu bahasa itu bukanlah merujuk kepada satu cara pertuturan yang digunakan oleh semua orang, bagi semua situasi dan dalam bentuk yang sama. Sebaliknya, bahasa itu berbeza-beza, iaitu bergantung kepada siapa yang bercakap, kepada siapa, di mana dan mengenai apa. Melalui bahasa, manusia saling berhubung, menyampaikan buah fikiran dan perasaan. Secara asasnya, bahasa berfungsi sebagai alat perhubungan yang bertujuan untuk menjamin dan mengekalkan hubungan di antara anggota masyarakat. Misalnya, situasi yang berlaku apabila dua orang Melayu bersua muka dan bertegur sapa. Lazimnya, seorang akan bertanya ‘Apa khabar?’ dan yang ditanya akan menjawab ‘Khabar baik!’. Pada dasarnya, jawapan kepada soalan itu tidak begitu penting dan tidak semestinya mengandungi unsur

kebenaran. Ini bermakna, yang ditegur boleh menjawab ‘Khabar baik!’ walaupun dirinya atau pihak lain yang diwakilinya adalah kurang sihat. Dalam hal ini, apa yang lebih dipentingkan ialah kedua-dua pihak sudah pun bertegur sapa. Situasi ini turut menjelaskan bahawa konsep bertegur sapa dan hubungan silaturrahim telah mendasari kehidupan masyarakat terutamanya dalam kalangan orang-orang Melayu. Ini kerana orang-orang Melayu pada keseluruhannya mempunyai hubungan sosial yang sangat rapat sekaligus meletakkan bahasa sebagai alat perhubungan sosial yang terpenting.

Semua jenis bahasa mempunyai tatatingkat tertentu di mana perbualan bergantung kepada situasi di mana dan bagaimana bahasa itu digunakan. Kesilapan atau kejahilan seseorang penutur menggunakan bahasa yang sesuai mengikut situasi tertentu boleh dianggap sebagai kurang sopan. Ini disebabkan bahasa bukan hanya merupakan wadah pencerna pemikiran sesuatu bangsa tetapi juga untuk menggerakkan perasaan. Robert Sibarani (1992:109), menyatakan bahawa tatacara berbahasa harus sesuai dengan norma kebudayaan yang diamalkan oleh masyarakat setempat dan penggunaan bahasa mereka. Jika tidak, individu yang terlibat akan tergolong sebagai individu yang egois, tidak beradab dan tidak berbudaya. Za’ba (1964) juga menegaskan bahawa, jika kita ingin melakukan kajian terhadap sesuatu bahasa, kita haruslah faham akan selok-belok bahasa dan budaya masyarakat penutur itu sendiri. Ini kerana bahasa yang diterima pakai oleh masyarakat itu adalah tersendiri dan bersifat pragmatik, iaitu mengandungi maksud-maksud tertentu. Dalam masyarakat Melayu misalnya, fenomena tidak berterus-terang (*indirectness*) merupakan prinsip asas yang

penting dalam komunikasi. Sesuatu yang disampaikan secara ‘berselindung’, dianggap lebih beradab dan beradab. Tema inilah yang mengawal tingkah laku dalam budaya masyarakat Melayu dan terkandung dalam sistem bahasa Melayu (Teo Kok Seong, 1997:243). Hakikat ini menyebabkan orang Melayu lebih gemar menggunakan kias atau ibarat sebagai salah satu medium untuk menyampaikan maksud yang tersirat. Hal ini memperlihatkan peribadi orang Melayu yang tinggi budi bahasanya, iaitu mengutamakan ketertiban yang berasaskan agama dan budaya dalam setiap perlakuannya.

Pendapat Teo Kok Seong ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan Sri Delima (1981:29). Menurut Sri Delima, “Bercakap dalam bahasa Melayu samalah seperti berjalan di atas titian tali. Silap cakap anda dikira kasar dan kurang ajar, iaitu tanggapan yang menyentuh nama baik ibu bapa anda”. Kenyataan ini ternyata mempunyai kebenarannya. Orang Melayu dikatakan mempunyai nilai rasanya yang tersendiri dan mereka menilai budi bahasa ditahap yang sangat tinggi. Orang yang berbudi bahasa, berbudi mulia dan bersopan dalam berbahasa akan mendapat penghormatan yang tinggi. Sebaliknya, orang yang tidak berbudi bahasa dan bercakap dengan cara yang tidak sopan dianggap berperangai rendah, tidak berbudi dan dikatakan kurang ajar atau biadab. Dalam hal ini, sistem nilai memainkan peranan yang penting dalam mengatur tatacara hidup seseorang sebagai ahli dalam masyarakatnya. Nilai adalah tenaga yang dapat mengintegrasikan masyarakat seperti nilai beragama, nilai ekonomi dan kekayaan, nilai sistem sosial dan kehidupan bermasyarakat, nilai kepemimpinan, nilai terhadap lelaki dan perempuan, nilai adat dan nilai budi bahasa (Amat Juhari

Moain, 2001:63). Dalam hubungan ini, orang Melayu percaya nilai sangat kuat dalam menentukan sikap, pemikiran, pegangan dan pola tindakan, perlakuan dan pendirian manusia. Oleh itu, apabila pola nilai itu bersemi di dalam diri manusia maka jadilah ia unsur yang membentuk hati budinya (Hashim Haji Musa, 2008:30).

Menurut Norazit Selat (2004:4396), nilai memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi ahlinya. Lazimnya, nilai masyarakat Melayu terbahagi kepada dua bentuk. Pertamanya, penekanan terhadap nilai murni yang harus disematkan dalam hati dan sanubari setiap individu. Manakala, yang keduanya mementingkan nilai yang boleh menjaga dan menaikkan martabat masyarakat dan bangsa. Salah satu daripada nilai-nilai yang menyerlahkan jati diri bangsa Melayu ialah sifat malu. Sifat malu dikatakan mempunyai nilai yang tinggi, iaitu mulia dan suci serta menjadi asas bagi membentuk kepercayaan. Oleh yang demikian, sifat malu telah diterima sebagai suatu nilai mutlak yang luhur dan merupakan maruah bangsanya. Seterusnya, nilai ini dapat dikaitkan pula dengan keperibadian orang Melayu yang dikatakan mempunyai perasaan malu yang menebal. Sifat malu merupakan perasaan semula jadi yang dianugerahkan oleh Allah kepada seluruh umat-Nya. Ia merupakan naluri yang berpusat pada fitrah manusia. Melalui sifat malu, seseorang itu akan terdorong untuk meninggalkan keburukan dan mencegah dari kelalaian terhadap hak orang lain. Dengan kata lain, individu yang mempunyai sifat malu akan merasa bersalah apabila melakukan perbuatan buruk dan haram. Daripada sifat malu ini jugalah, lahirnya individu yang memiliki budi pekerti dan adab sopan yang mulia. Dalam Islam, sifat malu

merupakan antara sifat yang dituntut oleh agama dan menjadi sebahagian daripada iman. Oleh itu, sesiapa sahaja yang tidak mempunyai rasa malu maka ia dianggap mati di dunia dan akan menderita di akhirat. Maknanya, individu itu akan dipandang hina oleh masyarakat dan tidak mendapat kerahmatan Allah di akhirat. Dalam hubungan ini, Nabi Muhammad S.A.W pernah bersabda yang bermaksud:

Malu itu sebahagian dari iman dan iman itu dalam syurga, manakala kelucahan adalah daripada perangai yang kasar (al-jafa') dan perangai yang kasar itu dalam neraka.

(Abd Rahman Abd Majeed (2004:i)

Dalam masyarakat Melayu, sifat malu telah menjadi sebahagian daripada budaya bertingkah laku. Budaya orang Melayu yang cukup mementingkan 'rasa malu' ini jelas tergambar melalui pelbagai ungkapan. Misalnya, ungkapan, *"harga garam pada asinnya, harga manusia pada malunya, tanda perang pada hulunya, tanda orang pada malunya"*. Ungkapan ini jelas menunjukkan bahawa budaya malu sudah menjadi darah daging dan sehati dalam diri orang Melayu (Ahmad Samin Siregar, 2000:180). Justeru, individu yang mempunyai perasaan malu yang tinggi akan lebih dihargai, bermaruah dan dipandang mulia oleh masyarakat. Ini selari dengan adat dan tradisi masyarakat Melayu yang sangat mementingkan air muka. Perbuatan menjatuhkan air muka adalah pantang besar dalam budaya Melayu. Hanya orang yang tidak bermaruah sahaja yang rela air mukanya dijatuhkan. Oleh yang demikian, ungkapan *"tidak tahu malu!"* atau *"muka tak malu"* menjadi kata-kata penghinaan yang cukup menyakitkan.

1.1 Pernyataan Masalah

1.1.1 Kekurangan Bahan Kajian

Sifat malu telah menjadi bahan kajian penting dalam beberapa disiplin ilmu sosial seperti antropologi, psikologi dan falsafah sejak dahulu lagi. Ia dikatakan sebahagian daripada bentuk-bentuk emosi dan perasaan manusia yang cukup penting dalam kehidupan seharian. Tanpa emosi, manusia bolehlah disamakan seperti mesin atau jentera yang hanya berfungsi mengikut aturan. Menurut David Viscott (1976), jika kita tidak sedar tentang perasaan kita sendiri maka kita juga tidak akan sedar tentang kualiti-kualiti kehidupan manusia. Emosi dan perasaan inilah yang memberi makna kepada kehidupan kita. Selain itu, ia juga antara faktor kemanusiaan yang membezakan manusia dengan entiti-entiti lain yang wujud di muka bumi ini. Dalam konteks Islam, sifat malu itu perlu ada dalam jiwa setiap individu kerana kesan yang ditimbulkannya akan membawa kebaikan. Secara asasnya, sifat malu boleh mendorong seseorang itu untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan.

Kajian mengenai perihal orang Melayu memang banyak dilakukan baik dalam bidang bahasa mahupun sastera. Walau bagaimanapun, kajian mengenai sifat dan konsep malu orang Melayu masih terbatas dan kurang mendapat perhatian. Kebanyakan kajian yang dilakukan oleh sarjana tempatan didapati lebih terarah kepada aspek kesantunan berbahasa dan budaya berbahasa. Sedangkan, konsep malu orang Melayu juga penting untuk diperhalusi kerana sifatnya yang luar biasa dan unik. Tambahan pula, emosi malu dalam bahasa Melayu

diandaikan tidak sama ertinya dengan 'shame' dalam bahasa Inggeris, 'whakamaa' dalam bahasa Maori, 'ha'ama' dalam bahasa Tahiti atau 'haji' dalam bahasa Jepun. Ini kerana bahasa mempunyai kata yang mengandungi konsep budaya, yang relevan dengan masyarakat pendukungnya (Mulyadi, 2001:28). Beberapa kajian tentang sifat malu orang Melayu pernah dilakukan oleh sarjana Barat seperti Buhler, Hetzer dan Hurlock & Sender (Mohamed Mansor Abdullah, 1993:254). Namun, hasil kajian mereka didapati menyimpang dari landasan realiti sebenar yang dialami oleh bangsa Melayu. Faktor kekurangan pengetahuan mengenai selok-belok adat, budaya, kepercayaan dan nilai orang Melayu itu sendiri dikatakan menjadi puncanya. Akibatnya, mereka gagal menjiwai konsep malu yang mendasari kehidupan orang Melayu sehingga merumuskan bahawa, perasaan malu akan menyebabkan seseorang itu menjadi tidak tentu arah dan keliru serta mengaitkannya dengan fasa negatif (*negative phase*).

Sehubungan itu, kajian mengenai konsep malu orang Melayu mesti diteroka dari kaca mata dalaman. Dengan kata lain, sarjana tempatan khususnya yang berbangsa Melayu perlu menjadi perintis dalam menghasilkan kajian yang tepat mengenai konsep malu orang Melayu. Rangka pendekatan yang diteliti secara dalaman dipercayai boleh memberi kesan yang mendalam sekali gus dapat memberikan penjelasan yang sebaik-baiknya mengenai konsep malu orang Melayu yang diangkat daripada Al-Quran dan Hadis. Bertitik tolak daripada sinilah, kajian ini akan mengupas secara mendalam dan menyimpulkan konsep malu yang didukung oleh orang Melayu pada era 1970-an, seperti mana yang dipaparkan dalam novel SAGA.

1.1.2 Kurangnya Ilmu Pengetahuan

Telah pun dinyatakan, konsep malu orang Melayu adalah sangat luas dan kompleks. Di dalamnya, terkandung satu sistem nilai dan kepercayaan yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Ini termasuklah pegangan hidup, perlakuan, tingkah laku, kepercayaan dan peraturan yang dipatuhi oleh masyarakatnya. Menurut Mohamed Mansor Abdullah (1993:244), terdapat empat kategori subkonsep malu dan segan orang Melayu, iaitu 'rasa malu', 'diberi malu', 'mendapat malu' dan 'memalukan'. Terdapat perbezaan yang nyata di antara setiap subkonsep ini dan maklumat lanjut mengenainya akan dijelaskan dalam Bab 3. Walau bagaimanapun, masih ramai yang tidak menyedari akan perbezaan subkonsep malu dan segan ini. Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa kebanyakan daripada kita sering beranggapan bahawa, 'malu' itu merujuk kepada perihal malu itu sendiri. Sedangkan, perasaan malu yang timbul dalam diri individu itu adalah berbeza-beza bergantung kepada jenis peristiwa malu yang dialami. Oleh itu, adalah penting untuk kita mendalami subkonsep malu dan segan ini supaya kita lebih peka terhadap emosi dan air muka individu yang mengalami peristiwa tersebut.

1.1.3 Kesantunan Bahasa Yang Semakin Diabaikan

Secara umumnya, kesantunan bahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya (Awang Sariyan,

2007:1). Fenomena kesantunan bahasa bersifat sejagat, tetapi strategi kesantunan yang melibatkan aspek kebahasaan didapati berbeza-beza antara satu masyarakat dengan yang lain. Ini kerana, terdapat satu set peraturan sosiolinguistik dan budaya dalam bahasa yang menentukan sama ada sesuatu itu boleh disebut atau tidak boleh disebut. Menurut Asmah Haji Omar (2002:9), terdapat tiga jenis peraturan penggunaan bahasa, iaitu peraturan linguistik, peraturan sosiolinguistik dan peraturan pragmatik. Peraturan linguistik menitikberatkan ketepatan bentuk dan binaan bahasa, manakala peraturan sosiolinguistik berkaitan dengan penggunaan bahasa yang menitikberatkan hubungan sosial antara pembicara dengan pendengar (dalam konteks komunikasi lisan) dan antara penulis dengan pembaca (dalam konteks komunikasi tulisan). Seterusnya, peraturan pragmatik menekankan penggunaan bahasa yang perlu disesuaikan dengan tujuan komunikasi, iaitu menggunakan bahasa yang sopan dan berkesan. Apabila kita menggunakan bahasa, baik bahasa lisan mahupun bahasa tulisan, kita harus mematuhi ketiga-tiga peraturan ini supaya tidak membuat sesiapa berasa tersinggung atau menjatuhkan air mukanya.

Air muka bagi orang Melayu mempunyai peranan bukan setakat masa berlangsungnya komunikasi tetapi menjangkau ruang lingkup yang lebih jauh daripada itu. Ia bukan setakat nama baik orang yang berkenaan sahaja, tetapi meliputi juga didikan yang diperoleh daripada ibu bapa, guru dan keluarga. Dengan itu, nama baik dan maruah seseorang itu meliputi juga nama baik ibu bapa dan kaum keluarganya. Oleh itu, setiap orang perlulah berhati-hati semasa berkomunikasi, baik secara bersemuka atau bertulis supaya tidak menjatuhkan air

muka pihak yang diajak berkomunikasi ataupun juga yang dijadikan subjek komunikasi (Asmah Haji Omar, 2007:8). Dalam hubungan ini, kesantunan bahasa diperlukan sebagai agen membentuk keperibadian diri dan keharmonian hidup bermasyarakat. Seterusnya, ia dapat mengelakkan kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung daripada pihak pendengar. Justeru, orang Melayu sangat berpegang kepada peribahasa, “*terlangsung perahu boleh balik, terlangsung cakap tidak boleh balik*” yang mengingatkan kita supaya berfikir dahulu sebelum mengeluarkan kata-kata. Jika sudah terlanjur, ia tidak dapat ditarik semula (Ainon Mohd. dan Abdullah Hassan, 2006:186). Atas kesedaran inilah, maka orang Melayu mengambil sikap keras di dalam lembut sebagai cara mendidik apabila berhadapan dengan konflik dalam masyarakat. Berikutan itu, muncullah bahasa kiasan seperti peribahasa, bidalan dan pepatah yang memainkan peranan penting dalam sistem komunikasi orang Melayu. Melalui bahasa kiasan, air muka dan perasaan individu lain lebih diutamakan berbanding hasrat yang ingin disampaikan (Maniyamin Ibrahim, 1998:388).

Realitinya, bahasa mencerminkan minda bangsa. Perkataan ‘mencerminkan’ ini merujuk kepada proses pembentukan realiti sosial atau, *the construction of social reality* yang berlaku dalam sesebuah masyarakat melalui penggunaan bahasa (Hassan Ahmad, 2004:43). Oleh itu, kesantunan bahasa menjadi perkara penting untuk difahami dan diamalkan oleh setiap anggota masyarakat. Apatah lagi, orang Melayu sememangnya terkenal dengan kelembutan dan kehalusan budi pekertinya sehinggakan telah menjadi satu identiti. Ungkapan “*budi bahasa*” yang diwarisi melalui khazanah bahasa yang

diturunkan oleh nenek moyang kita adalah hasil daripada pemerhatian mereka terhadap cara manusia berbahasa dan bertingkah laku. Dalam konteks percakapan, budi itu ialah kebijaksanaan, iaitu cara yang paling bijak ketika bercakap. Maknanya, kalau cara itu memerlukan penutur menggunakan kata-kata tertentu dan meletakkannya pada tempat yang betul dalam ujaran, maka itulah yang dikatakan gaya berbudi bahasa (Arbak, 2006:10-11). Justeru, peraturan percakapan ini harus dipatuhi untuk memelihara hubungan baik anggota masyarakat sesuai dengan amalan budaya masyarakat Melayu.

1.1.4 Konsep Malu Yang Bercanggah Dengan Agama

Konsep malu orang Melayu digambarkan sebagai satu kepercayaan, nilai dan pegangan hidup masyarakat, gambaran perlakuan, tingkah laku serta peraturan yang dipatuhi oleh masyarakatnya. Malu di dalam Islam pula memiliki kedudukan yang tinggi, iaitu merupakan sebahagian daripada iman. Nabi Muhammad S.A.W. menjelaskan bahawa, malu itu selalu mendatangkan kebaikan sebagaimana sabdanya, “malu itu tidak akan mendatangkan sesuatu kecuali berupa kebaikan” (As’ad Ash-Shagharji, 2003:26). Dalam hubungan ini, tahap keimanan seseorang individu itu boleh diukur dengan melihat kepada sejauh mana keteguhannya dalam memegang etika malu. Semakin kuat rasa malu seseorang itu untuk tidak melakukan perbuatan yang tidak baik, maka semakin kuat pula tahap keimannya. Sebaliknya, jika seseorang individu itu sudah tidak malu melakukan kemaksiatan, maka tahap keimannya semakin lemah. Dengan kata lain, kita perlu yakin kepada pembalasan yang baik bagi amalan yang baik dan

pembalasan yang buruk bagi amalan yang jahat, di dunia dan di akhirat. Oleh itu, sifat malu mesti ada dalam diri setiap individu kerana ia membawa kesan kebaikan dan banyak manfaatnya kepada kehidupan manusia.

Walau bagaimanapun, ada anggota masyarakat yang menterjemahkan konsep malu mengikut pandangan peribadi semata-mata dan tidak menjadikan Al-Quran dan Sunnah sebagai panduan. Pemahaman mereka terhadap konsep malu terlalu sempit dan menyimpang daripada landasan yang sebenarnya. Akibatnya, ramai yang memiliki sifat malu tetapi malu yang bersifat negatif sehingga menyekat potensi yang ada dalam diri. Islam menggariskan bahawa sifat malu mesti dimiliki oleh setiap orang Muslim. Namun, dalam beberapa hal malu mesti disingkirkan, iaitu dalam mencari ilmu dan mengajar ilmu. Ali bin Abi Talib (Muhammad Ahmad Al-Muqaddam, 2004:64) pernah berkata, "*Orang yang tidak tahu, tidak selayaknya malu bertanya sehingga ia tahu, dan orang yang ditanya tidak perlu malu untuk mengatakan tidak tahu.*" Malangnya, masih ramai yang gagal mengetepikan rasa malu terutamanya apabila melibatkan proses mencari ilmu. Sebagai contoh, pelajar-pelajar Melayu dikatakan memang pemalu, pendiam, tidak mahu menonjol diri dan lebih suka memendam pendapat. Dalam hal ini, Omar Md Hashim (2003:46) menyatakan mereka bersikap sedemikian kerana malu atau takut orang memandangnya bodoh selain terlalu hormat kepada gurunya. Oleh itu, mereka menyimpan pendapat-pendapat yang bernas untuk diri sendiri dan terlepas peluang berkongsi pandangan, menguji dan berdebat bagi mendapatkan kesahihan. Hal ini sangat merugikan orang Melayu kerana mereka tidak dapat menyerap tradisi keserjanaan dan ilmu yang tinggi.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini menggunakan Novel SAGA, karya Abdul Talib Mohd. Hassan sebagai bahan utama. Novel ini dihasilkan pada tahun 1976 dan pernah memenangi hadiah pertama Sayembara Novel Gapena pada tahun yang sama. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mencapai objektif-objektif yang berikut:

- i. Mengenal pasti konsep malu yang mendasari kehidupan orang Melayu. Adakah agama dijadikan landasannya atau konsep ini lebih terarah kepada adat dan budaya. Dalam hubungan ini, sejauh manakah orang Melayu berpegang dan mengamalkan konsep malu dalam kehidupan seharian mereka?;
- ii. Menganalisis sikap, reaksi dan tindak-tanduk orang Melayu apabila mengalami peristiwa-peristiwa malu. Adakah peristiwa malu itu memberikan kesan, baik secara langsung mahupun tidak langsung kepada individu terbabit, keluarga dan anggota masyarakat yang lain;
- iii. Mengenal pasti arah pemikiran, kreativiti dan sensitiviti orang Melayu semasa berinteraksi antara satu sama lain. Sejauh manakah aspek 'air muka' diberikan penekanan dan bagaimana pula mereka menguruskan 'air muka' yang telah terjejas serta menangani konflik yang dihadapi;
- iv. Menemukan hubungan antara konsep malu dengan jati diri orang Melayu dalam konteks hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Benarkah perasaan malu orang Melayu terhadap agamanya melebihi perasaan malunya sesama manusia?

1.3 **Data Kajian**

Novel SAGA, karya Abdul Talib Mohd. Hassan telah dipilih sebagai sumber utama kajian ini kerana ia memenuhi objektif dan matlamat kajian. Selain itu, novel ini juga telah memenangi Hadiah Pertama Sayembara Novel Gapena yang dianjurkan pada tahun 1976. Dalam kajian ini, penulis menggunakan novel SAGA terbitan semula yang diterbitkan pada tahun 2004 oleh Utusan Publications & Distributors SDN. BHD. Bahan-bahan kajian juga diperolehi daripada buku-buku, kajian-kajian ilmiah, kertas kerja seminar, media massa dan artikel-artikel lain dari dalam dan luar negara.

1.4 **Metodologi Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis tertumpu. Kaedah kepustakaan merujuk kepada bahan-bahan bercetak, manakala kaedah analisis tertumpu berfokuskan kepada teks novel, iaitu sumber kajian utama dan seterusnya mengaplikasikan kerangka fikiran serta teori yang telah dipilih. Data-data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif digunakan bagi menganalisis keseluruhan isi kandungan novel dengan tujuan untuk mencapai objektif-objektif kajian. Manakala, kaedah kuantitatif pula melibatkan perangkaan dan statistik. Kedua-dua kaedah ini diharap dapat menjelaskan secara terperinci peristiwa malu, subkonsep malu, gaya pengurusan air muka dan gaya pengurusan konflik orang Melayu. Secara prinsipnya, kajian ini akan melalui beberapa peringkat dan hal ini akan dibincangkan dalam Bab 3.

1.4.1 Sumber Kajian Utama - Novel SAGA

Kajian ini menggunakan Novel SAGA, karya Abdul Talib Mohd. Hassan sebagai sumber kajian utama. Novel yang pernah memenangi Hadiah Pertama Sayembara Novel Gapena pada tahun 1976 ini, merupakan jelmaan daripada manuskrip novel yang memenangi hadiah pertama sekaligus mengatasi 35 manuskrip lain yang menyertai sayembara tersebut. SAGA dipilih kerana persoalan-persoalan yang digarap oleh pengarangnya merangkumi pelbagai aspek seperti perjuangan, pengorbanan, cinta dan pembangunan masyarakat desa. Ia telah dihasilkan dalam bentuk persoalan sastera yang cukup menarik sekali gus berjaya mengetengahkan kehidupan orang-orang Melayu sekitar tahun 1970-an. Paling penting, peristiwa-peristiwa yang dipaparkan dalam novel SAGA mengandungi konsep malu orang Melayu. Selain itu, ia mengungkap nilai dan pandangan hidup seperti adat resam, kepercayaan, keagamaan, pendidikan, perniagaan, kemasyarakatan, undang-undang, politik, ekonomi dan sosial. Watak dan perwatakan yang digambarkan juga mampu mengangkat peribadi bangsa Melayu. Ini kerana, SAGA menggambarkan watak-watak dan peribadi Melayu yang melalui kehidupan bermasyarakat dalam lingkungan budayanya yang tersendiri.

1.4.2 Kerangka Konsep (Muriel Saville-Troike)

Kajian ini akan meneliti kerangka konsep seorang pengkaji bahasa, iaitu Muriel Saville-Troike melalui buku yang diterjemahkan oleh Ajid Che Kob pada tahun 1991. Menurut Saville-Troike, etnografi komunikasi merupakan satu bidang

kajian yang berkaitan dengan deskripsi dan analisis kebudayaan. Dalam hal ini, bahasa berfungsi sebagai suatu bentuk kebudayaan yang ditentukan secara sosial. Tumpuan diberikan kepada komuniti bahasa, iaitu cara bagaimana mereka berkomunikasi di dalam komuniti bahasa tersebut. Ini termasuklah cara ianya disusun dan diatur sebagai sistem kepada peristiwa komunikasi serta bagaimana ia berinteraksi dengan sistem-sistem lain dalam kebudayaan. Secara asasnya, komunikasi berlaku dengan cara yang berbeza-beza dalam kalangan kumpulan manusia. Kecekapan berkomunikasi bukan hanya melibatkan rumus atau peraturan komunikasi (linguistik dan sosiolinguistik) dan peraturan interaksi yang diamalkan bersama. Ia termasuk juga peraturan kebudayaan, ilmu pengetahuan yang menjadi asas kepada konteks dan perisian peristiwa komunikasi serta proses-proses interaksi.

Menurut Saville-Troike (1991:144) lagi, komunikasi yang sering berlaku dalam masyarakat berkecenderungan untuk dikategorikan dalam pelbagai peristiwa yang berlainan dengan suatu garis pemisah yang agak jelas di antara satu sama lain berserta dengan norma-norma perlakuan yang berbeza. Justeru, analisis sesuatu peristiwa komunikasi hendaklah bermula dengan satu deskripsi mengenai komponen-komponen yang berkemungkinan akan menjadi lebih menonjol dan relevan untuk memahami bagaimana peristiwa komunikatif tertentu itu mencapai objektifnya. Selanjutnya, hal ini akan dibincangkan secara mendalam dalam Bab 2 dan Bab 3.

1.4.3 Subkonsep Malu dan Segan Orang Melayu (Mohamed Mansor Abdullah)

Mohamed Mansor Abdullah telah menghasilkan kertas kerja yang bertajuk, “Konsep Malu dan Segan Orang Melayu Berdasarkan Hikayat dan Cerita Melayu Lama” (1993, 244-290). Melalui kertas kerja tersebut, beliau telah mengemukakan empat subkonsep malu dan segan yang boleh dijadikan asas penting dalam mengkaji konsep malu orang Melayu. Melalui keempat-empat subkonsep ini, peristiwa malu dapat dikategorikan secara teratur dan sistematik. Huraian lanjut mengenai subkonsep malu dan segan orang Melayu ini akan diterangkan dalam Bab 3. Berikut adalah empat subkonsep malu dan segan orang Melayu yang telah dikemukakan oleh Mohamed Mansor Abdullah.

- i. Rasa Malu - malu yang berpunca daripada perasaan rendah diri ataupun berasa segan terhadap kekurangan yang ada pada diri sendiri apabila dibandingkan dengan orang lain.
- ii. Diberi Malu - perbuatan yang keji, hina dan jijik yang dilemparkan kepada orang lain sehingga orang yang menerimanya berasa hina dan rendah diri.
- iii. Mendapat Malu - apabila seseorang individu dimalukan maka dia akan mendapat malu besar.
- iv. Memalukan - suatu tindakan, perbuatan, tingkah laku ataupun sikap yang ditunjukkan oleh seseorang individu yang sungguh menjijikkan.

1.4.4 Teori Pengurusan Air Muka (Stella Ting-Toomey)

Kajian ini akan menggunakan Teori Pengurusan Air Muka (*Face Negotiation Theory*) oleh Stella Ting-Toomey (1988). Dalam teori Pengurusan Air Muka, Ting-Toomey telah mengetengahkan konsep air muka (*face*). Menurutnya, air muka memainkan peranan penting dalam komunikasi kerana ia lanjutan daripada konsep sendiri dalam konteks interpersonal. Dengan kata lain, air muka adalah imej sendiri yang kita tonjolkan kepada orang ramai. Selain itu, air muka juga dapat memberikan gambaran imej dalaman tentang diri seseorang itu. Seterusnya, ia dapat dikaitkan pula dengan konsep-konsep seperti harga diri, status atau kedudukan dan maruah. Walau bagaimanapun, setiap individu itu mempunyai air muka yang berbeza-beza, bergantung kepada bagaimana individu tersebut menguruskan air mukanya. Ia juga berasaskan kepada pandangan tentang kebimbangan air muka (*face concern*) dan keperluan air muka (*face need*).

Konsep yang terdapat dalam teori ini didapati sesuai digunakan dalam kajian yang berteraskan konsep malu khususnya dalam kalangan orang Melayu. Ini kerana orang Melayu sangat menjaga dan mementingkan perasaan orang lain. Dalam apa jua pertimbangan, perasaan sendiri tidak menjadi keutamaan tetapi perasaan orang lain menjadi pengukur dalam membuat keputusan. Sebarang tindakan yang diambil akan mengutamakan pandangan dan penerimaan masyarakat sekelilingnya (Noriati A. Rashid, 2007:23). Seterusnya, 'air muka' merupakan teras penting dalam mengharmonikan hubungan. Huraian lanjut mengenai Teori Pengurusan Air Muka ini akan dijelaskan dalam Bab 3.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini menumpukan perhatian terhadap dua perkara berikut:

1. Kajian mengenai orang Melayu seperti yang digambarkan dalam novel SAGA, iaitu yang beragama Islam, mengamalkan budaya Melayu dan bertutur dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, bangsa asing yang telah menganuti agama Islam dan menjadikan Islam sebagai satu cara hidup akan turut dibincangkan.
2. Kajian ini menjadikan konsep malu orang Melayu sebagai fokus utama perbincangan. Berasaskan kepada peristiwa-peristiwa dalam novel SAGA, sifat dan emosi malu orang Melayu akan diterokai supaya konsep malu yang mendasari kehidupan mereka dapat dikupas secara mendalam.

1.6 Kepentingan Kajian

Konsep malu orang Melayu merupakan satu konsep yang bersifat universal dan menyeluruh. Ia merupakan satu konsep yang sangat istimewa dan luar biasa. Memiliki konsep ini bermakna bangsa Melayu adalah bangsa yang tersendiri dan tidak boleh disamakan dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini. Konsep malu yang mendasari kehidupan orang Melayu menjadikan agama, iaitu Islam sebagai landasannya. Ia mempunyai nilai yang tinggi, mulia, suci dan asas membentuk kepercayaan. Konsep malu ini turut merangkumkan nilai adat, budaya, kepercayaan, pegangan hidup, gambaran perlakuan, tingkah laku dan

peraturan yang dipatuhi oleh masyarakatnya. Walau bagaimanapun, kajian mengenai konsep malu orang Melayu masih terbatas dan kurang diterokai. Terdapat beberapa kajian yang ditulis oleh sarjana Barat namun hasil kajian didapati tidak menyeluruh dan tidak menggambarkan realiti sebenar konsep malu bangsa Melayu. Ini kerana mereka dikatakan tidak memahami selok-belok adat, budaya, kepercayaan dan nilai orang Melayu itu sendiri. Manakala, kajian di peringkat nasional pula dikatakan cenderung ke arah disiplin psikologi dan sastera (Mohamed Mansor Abdullah, 1993). Justeru, kajian ini diharap dapat menjana ilmu pengetahuan dan memberikan lebih kefahaman mengenai konsep malu yang menjadi pegangan orang Melayu. Dalam hal ini, masyarakat perlu diberikan kesedaran bahawa konsep malu tidak harus terbatas kepada perasaan atau emosi semata-mata. Sebaliknya, ia perlu dilihat daripada sudut yang lebih luas. Pemahaman yang betul dan ilmu pengetahuan yang luas akan dapat menyangkal tanggapan negatif mengenai konsep malu orang Melayu.

1.7 Definisi Konsep

1.7.1 Malu

Kamus Dewan (2005:988), memberikan tiga takrif malu. Pertama, malu yang membawa maksud berasa aib (hina, rendah, dan lain-lain) kerana membuat sesuatu yang salah atau yang tidak sopan atau merasa tidak senang. Kedua, perasaan aib kerana merasa hina, rendah diri dan lain-lain. Ketiga, malu yang tercetus daripada perasaan hormat terhadap seseorang atau berasa segan (agak takut) terhadap seseorang. Dalam Islam, malu mempunyai pengertian yang lebih

luas. Malu atau *haya'* di dalam bahasa Arab berasal daripada perkataan *hayat* yang bermaksud “kehidupan”. Ia mencakupi sifat malu, memelihara aib diri dan orang lain, kesopanan, harga diri dan bersikap jujur dalam menjaga dan memelihara maruah kerana Allah (Abd Rahman Abd Majeed, 2004:1). Dalam masyarakat Melayu, sifat malu telah sebatu dalam kehidupan orang Melayu. Rasa malu inilah yang menjadikan orang Melayu tidak mahu “*mengambil muka*”, “*tidak mahu membesarkan diri*”, “*tidak mahu menjilat*” dan sebagainya (Tenas Effendy, 2002:36).

1.7.2 Konsep Malu

Kajian mengenai konsep malu tidak seharusnya tertumpu kepada perasaan, emosi atau sifat yang dimiliki oleh seseorang individu sahaja. Sebaliknya, ia perlu dikaji secara menyeluruh merangkumi aspek rasionaliti, budaya, peradaban, bangsa, etnik, agama, politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya. Pada prinsipnya, konsep malu telah diterima oleh orang Melayu sebagai suatu nilai mutlak yang luhur dan merupakan maruah bangsa Melayu. Dalam mempertahankan konsep ini, orang Melayu amat menekankan nilai-nilai yang berteraskan Islam. Malu di dalam Islam memiliki kedudukan yang tinggi, iaitu merupakan sebahagian daripada iman. Justeru, konsep malu yang menjadi pegangan itu mestilah tidak bercanggah dengan akidah dan ajaran Islam. Inilah kekuatan orang Melayu dalam mempertahankan konsep malu. Malah, konsep ini dapat berfungsi sepenuhnya kerana mereka mempunyai perasaan takut kepada Tuhan dan kesedaran mengenai dosa dan pahala.

1.7.3 Orang Melayu

Kamus Dewan (1989:814), mentakrifkan Melayu sebagai “... suatu bangsa yang mengikut (mengamalkan) cara hidup orang Melayu, dan masuk (beragama) Islam”. Ibrahim Yaacob (1951:10) pula menjelaskan, orang yang berbangsa Melayu merupakan orang yang berasal atau berketurunan dari penduduk asli di negeri Melayu (Malaya) dan pulau-pulau Melayu yang lain (Indonesia) serta kawasan sekitarnya. Di Malaysia, pengertian “Melayu” mempunyai implikasi keagamaan Islam. Ini kerana Perlembagaan Malaysia mentakrifkan orang Melayu sebagai orang yang bertutur dalam bahasa Melayu, menganut agama Islam dan mengamalkan cara hidup Melayu (Asmah Haji Omar, 2008:50). Dalam konteks kajian, orang Melayu merujuk kepada Melayu yang tinggal di Semenanjung Tanah Melayu, bertutur dalam bahasa Melayu, mengamalkan cara hidup Melayu dan beragama Islam. Pentakrifan ini secara tidak langsung telah mengesahkan status Munirah dalam novel SAGA sebagai orang Melayu, walaupun asalnya dia berketurunan Barat. Ini kerana Munirah telah memeluk agama Islam, boleh bertutur dalam bahasa Melayu, mengamalkan budaya Melayu dan tinggal di kampung Batu Ragi.

1.7.4 Novel

Istilah novel berasal dari perkataan *novellat* dalam bahasa Itali yang bermaksud “perkhbaran baru”. Menurut Ali Ahmad (1978:3), novel merupakan salah satu jenis kesusasteraan yang bersifat prosa naratif. Pada umumnya, novel merupakan sebuah karya yang panjang dan kompleks sifatnya. Unsur-unsur

utamanya terdiri daripada plot, watak, latar dan sudut pandangan. Peristiwa-peristiwa yang digambarkan dalam novel bukanlah semuanya berasaskan fakta dan tidak pula bersifat pembohongan semata-mata. Dengan kata lain, novel adalah sebuah karya hasil gabungan antara fakta dan imaginasi penulis. Isi cerita yang dipaparkan dapat memberikan gambaran mengenai sesuatu perkara dan meninggalkan kesan emosi kepada pembaca. Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2006:2), pula menyatakan fenomena dan persoalan-persoalan yang dipaparkan dalam karya sastera merupakan realiti kehidupan masyarakatnya. Pengarang sebagai pelakar yang merakamkan fenomena di sekitarnya untuk dikongsi bersama khalayak pembacanya. Oleh itu, ungkapan “sastera sebagai cerminan masyarakat” merupakan refleksi kehidupan sebenar manusia yang diterjemahkan secara halus dan berhemah oleh pengarang. Secara umumnya, novel terbahagi kepada beberapa jenis. Pembahagian jenisnya dibuat berdasarkan tema yang dipaparkan oleh pengarang. Dari sinilah lahirnya novel berbentuk satira, novel sejarah, novel pengembaraan, novel sosial dan novel biografi (Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2006:63).

Novel SAGA yang ditulis oleh Abdul Talib Mohd. Hassan bertemakan kemasyarakatan. Dalam hubungan ini, pengarang SAGA telah menjadikan kehidupan masyarakat sebagai bahan untuk berkarya. Antara perkara yang dibincangkan dalam novel ini termasuklah isu keagamaan, adat, kepercayaan, kebudayaan, hubungan sosial dan sebagainya. Menurut Hashim Awang (1988:26), kebanyakan karya sastera memaparkan gambaran kehidupan, dan kehidupan itu sendiri adalah suatu kenyataan sosial. Kehidupan itu mencakupi

hubungan antara masyarakat dengan individu, antara manusia dan antara peristiwa-peristiwa yang terjadi di dalam diri seseorang. Keupayaan mengungkapkan bentuk-bentuk peristiwa yang sebegitu rupa adalah hasil daripada ketajaman dan daya fikir yang kuat. Maknanya, novelis itu haruslah berupaya untuk mengamati dan dapat memberikan tafsiran serta tanggapan mendalam terhadap kehidupan yang dilihat sekelilingnya, dan yang dialami oleh dirinya sendiri. Selain itu, novelis juga merupakan manusia yang amat perasa dan mudah terusik emosinya apabila melihat sesuatu peristiwa, fenomena atau corak kehidupan dalam realiti masyarakat (Hashim Awang, 1998:75).

Secara umumnya, novel SAGA mengisahkan hubungan erat yang terjalin antara tiga orang sahabat, iaitu Rahmat dan isterinya Munirah serta Hisyam. Setelah menamatkan pengajian, Munirah dan Hisyam telah mengikut Rahmat pulang ke kampungnya, iaitu kampung Batu Ragi. Kepulangan Rahmat bersama isteri dan sahabatnya itu bukan sahaja untuk menemui keluarga tetapi juga dengan membawa harapan baru. Rahmat bercita-cita untuk memajukan kampungnya yang terpencil dan terpinggir daripada arus pembangunan. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga mereka terpaksa mengharungi pelbagai konflik dan tekanan daripada masyarakat. Ini termasuklah masalah perpecahan dalam keluarga, kewangan, kurang kesedaran, sikap masyarakat, gejala sosial, hasad dengki dan sebagainya. Selain itu, novel ini juga mengetengahkan isu nilai, maruah, harga diri, adat, budaya dan kepercayaan orang Melayu yang kemudiannya digarap menjadi konsep malu. Selain itu, pengarang juga berjaya menimbulkan unsur kesedaran, nilai moral, kasih sayang dan pendidikan kepada pembaca.

1.7.5 Kajian Sociolinguistik

Menurut Hymes (1966), bidang sociolinguistik merupakan suatu bidang yang mengkaji ciri-ciri variasi bahasa, ciri-ciri fungsi variasi ini dan ciri-ciri penutur yang menggunakannya apabila ketiga-ketiga unsur ini berinteraksi, berubah dan mengubah satu sama lain dalam sesuatu masyarakat bahasa. Dengan kata lain, bidang sociolinguistik mengkaji hubungan antara bahasa dengan masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut (Hudson, 1980). Ia bertujuan untuk mendapat pemahaman yang lebih baik tentang struktur bahasa dan fungsi bahasa dalam komunikasi. Dalam hubungan ini, latar ahli masyarakat, sama ada daripada segi daerah, taraf pendidikan, taraf sosial, pekerjaan, umur, dan jantina akan memberi kesan kepada bahasa yang digunakannya (Abdullah Hassan, 2007:254). Hubungan yang erat di antara bahasa dan masyarakat telah menjadikan bahasa sebagai alat utama dalam pembentukan kebudayaan dan peradaban. Masyarakat yang berperadaban pula tidak berhenti pada hubungan antara anggota masyarakat, tetapi melihat juga kepada usaha dan ciptaan manusia yang menjangkau masa dan ruang (Asmah Haji Omar, 2005:8).

Selain itu, sociolinguistik juga membahaskan aspek-aspek kemasyarakatan bahasa, khususnya perbezaan-perbezaan (variasi) yang terdapat dalam bahasa yang berkaitan dengan faktor-faktor kemasyarakatan (sosial). Terdapat tiga bentuk kajian, iaitu: kajian bahasa dalam konteks sosial dan kebudayaan; kajian yang menghubungkan faktor kebahasaan, ciri-ciri dan ragam bahasa dengan situasi, faktor sosial dan budaya; dan kajian terhadap fungsi sosial

dan penggunaan bahasa dalam masyarakat (Nababan, 1993:2). Tegasnya, pengetahuan dalam bidang sosiolinguistik amat penting kerana ia dapat memberikan pedoman dalam berkomunikasi dengan menunjukkan bahasa, ragam bahasa atau gaya bahasa apa yang harus digunakan apabila berbicara dengan orang tertentu (Abdul Chaer Leonie Agustina, 1995:9). Hal ini akan membolehkan anggota masyarakat hidup dalam harmoni dan saling menghormati.

Selanjutnya, kajian dalam bidang sosiolinguistik meliputi semua aspek bahasa dan hubungannya dengan masyarakat. Hubungan ini termasuklah kajian terhadap bahasa, dialek dan idiolek, kedwibahasaan, profil sosiolinguistik, etnografi bahasa, sikap terhadap bahasa dan perancangan bahasa Nik Safiah Karim (1988). Menurut Eastman (1975:115), kajian sosiolinguistik mementingkan kajian interaksi antara bahasa dengan latar belakang penggunaan bahasa. Ini termasuklah hubungan bahasa dengan kelas atau status pengguna, kajian terhadap repertoir individu yang dikaitkan dengan konteks sosial, kajian kepelbagaian bahasa dan kedwibahasaan komuniti bahasa dan kajian-kajian lain yang sealiran dengannya. Pada dasarnya, kajian sosiolinguistik boleh dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Ini kerana, adalah sukar untuk mentakrifkan secara tepat pola hubungan antara bahasa dengan masyarakat. Kesulitan ini berlaku kerana hubungan antara bahasa dengan masyarakat merangkumi banyak aspek. Justeru, ahli sosiolinguistik bebas menentukan apa yang perlu mereka kaji dan bebas menamakan kajian sosiolinguistik mereka. Apa yang penting, kajian tersebut memperlihatkan hubungan antara masyarakat dengan bahasa atau sebaliknya (Noriah Mohamad,

1998:3). Teo Kok Seong (2007:114) pula menyatakan, pengajian dan pengkajian sociolinguistik bermatlamat untuk menunjukkan hubungan sistematik yang wujud antara struktur bahasa dengan struktur sosial. Dalam hal ini, timbul persoalan sama ada sesuatu struktur bahasa itu yang menyebabkan berlakunya sesuatu struktur sosial, atau sebaliknya yang berlaku.

1.8 Konsep Malu dalam Kiasan Melayu

Sistem pemikiran bermula daripada Allah S.W.T sebagai khaliq. Allah telah mencipta manusia sebagai makhluk yang mempunyai pemikiran yang tersendiri. Manusia perlu mempunyai ilmu, iaitu pemikiran logik dan pemikiran lateral untuk menjalankan peranannya sebagai khalifah di muka bumi ini. Dalam hubungan ini, masyarakat Melayu tradisional sangat mementingkan kualiti ‘akal’, yang bersinonim dengan ‘pemikiran’ atau ‘fikiran’. Fikiran yang bersih akan melahirkan manusia yang berakhlak mulia begitu juga sebaliknya. Nabi Muhammad (Hamka, 1998:134) pernah bersabda, “tiap-tiap sesuatu di dalam alam ini ada batas perjalanannya kecuali akal. Adapun manusia bertingkat-tingkat di dalam darjat akalnya laksana darjat wangi daripada bunga-bunga”. Akal dapat membezakan mana yang baik dan yang buruk, mengagih-agihkan sesuatu pekerjaan, menyelidiki hakikat dan kejadian sesuatu matlamat dalam kehidupan di dunia ini. Orang yang berakal adalah orang yang telah mendapat inayat dari Allah. Hatinya penuh dengan kebijaksanaan, bersangka baik dan mengharapkan sesuatu yang benar daripada dirinya dan orang lain. Oleh itu, Islam amat

menghormati akal. Tanpa akal, manusia tidak dapat mencapai ilmu, kejayaan dan kebahagiaan.

Akal Melayu sudah teruji dengan tindakan yang bijaksana selagi mereka tidak diselaputi oleh emosi dan sentimen. Oleh itu, orang Melayu terutamanya masyarakat Melayu tradisional sangat berhati-hati apabila menyampaikan maksud supaya tidak menyinggung perasaan orang lain. Mereka lebih gemar menggunakan kias atau ibarat sebagai salah satu cara untuk menyampaikan maksud yang tersirat. Hal ini menjelaskan bahawa, kiasan Melayu bukanlah salah satu bentuk bahasa yang baru muncul dalam kehidupan masyarakat Melayu. Malah, bentuk bahasa ini telah wujud sejak mereka belum mengenal huruf lagi. Menurut Jamaliah Mohd. Ali (1999:610-611), penggunaan kias atau bahasa tak terus dapat memberikan gambaran tentang cara orang Melayu berdiplomasi. Orang Melayu dikatakan cenderung menggunakan bahasa tersebut bagi mengelakkan daripada berlakunya konflik. Hasil kajian Jamaliah ini bertepatan dengan maksud kiasan Melayu. Menurut Za'ba (1965), bahasa kiasan ialah bahasa yang ditujukan kepada seseorang tetapi maksudnya tidak disebut dengan tepat. Sebaliknya, hanya disinggung dengan membuat kiasan sahaja atau ditujukan kepada perkara lain semata-mata kerana tidak suka menyebut perkara tersebut secara terang-terangan. Pentakrifan ini adalah berasaskan kepada kehidupan orang Melayu yang mementingkan kesopanan dalam tutur kata dan tingkah laku.

Kiasan Melayu jika dilihat secara tersurat hanyalah suatu unsur dalam pengucapan orang-orang Melayu. Namun secara tersirat dan mendalamnya,

kiasan bagaikan mutiara atau buntat daripada kebijaksanaan mereka yang mempunyai bahasa tersebut. Hashim Awang (1987:9) berpendapat, bahasa kiasan ialah bahasa imaginatif yang membawa maksud lain daripada apa yang ditulis. Bahasa kiasan ini timbul apabila seseorang itu menghubungkan fikirannya dengan sesuatu yang lain. Perkaitan hubungan berlaku melalui persamaan pengalaman, cita rasa, pertentangan dengan sesuatu atau bersamaan dengan sesuatu hal. Oleh itu, penggunaan bahasa kiasan tidak dilakukan secara rambang tetapi didorong oleh faktor yang aktif (terutama yang dipengaruhi oleh pengalaman) yang wujud dalam pemikiran penggunanya. Selain itu, ia dapat menggambarkan budaya dan kehidupan masyarakat Melayu yang kaya dengan adab dan sopan serta halus budi pekertinya (Jamaliah Mohd. Ali dan Norazlina Mohd. Kiram, 2005:132). Pemilihan kata atau diksi juga tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Ia dihasilkan daripada pengamatan dan ketepatan makna yang didukungnya. Ini menunjukkan terdapat satu kesatuan yang utuh antara bahasa dengan sosiobudaya yang diwujudkan hasil proses kognitif masyarakat Melayu. Dalam hal ini, Puteri Roslina Abdul Wahid menjelaskan bahawa:

Proses mengobjektifkan alam semula jadi melalui bahasa dan melalui kognisi manusia yang mempunyai bentuk, rentak, alunan dan sifatnya yang tersendiri yang menggunakan segala yang ada dalam pemikiran untuk melahirkan sesuatu yang halus, murni dan penuh makna merupakan satu seni.

(Puteri Roslina Abdul Wahid, 1994:326)

Kepekaan masyarakat Melayu tradisional terhadap manusia dan alam sekelilingnya sangat mengagumkan. Mereka tidak lari daripada alam sekeliling

sebaliknya lebih gemar menggunakan contoh terdekat. Elemen-elemen daripada alam inilah yang diolah dan disusun menjadi bahan perbandingan dengan tingkah laku atau cara hidup masyarakat Melayu. Justeru, ia memperlihatkan kepandaian dan kekreatifan orang Melayu menghasilkan bahasa kiasan yang dapat menyampaikan mesej dengan berkesan, indah susunan dan tepat pilihan katanya (Mhd. Amin Arshad, 2001:75). Misalnya, peribahasa seperti, “*daun dapat dilayangkan, getah jatuh ke perdu juga*”, “*di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung*”, “*Air dicincang tidak akan putus*” dan “*tiada rotan akar pun berguna*”. Peribahasa tersebut bukan sahaja menonjolkan objek alam tetapi juga mengandungi ilmu saintifik yang menyangkut hukum graviti, ilmu matematik, hidrologi dan ekonomi. Ini dapat menyangkal dakwaan sesetengah pihak yang menyatakan kiasan Melayu sebagai lambang pemikiran orang Melayu yang bersifat kekampungan. Sebaliknya, ia membuktikan kebijaksanaan orang Melayu yang banyak memanfaatkan alam sekitar dalam kehidupan seharian (Norhashimah Jalaluddin, 1988:820-830).

Konsep malu banyak terdapat dalam kiasan Melayu merangkumi kata-kata perbilangan, peribahasa, bidalan, pepatah dan sebagainya. Hal ini jelas menggambarkan kehidupan anggota masyarakat yang begitu mementingkan maruah dan harga diri. Mereka percaya, jika mereka melakukan sesuatu yang memalukan, maka ia akan memberikan kesan buruk kepada diri sendiri dan seluruh kaum kerabat. Selain itu, faktor air muka juga memainkan peranan penting. Perbuatan menjatuhkan air muka seseorang itu dianggap sebagai perbuatan yang tidak bermoral. Ia boleh menjatuhkan maruah individu, keluarga

dan anggota masyarakat secara keseluruhannya. Hal ini jelas digambarkan dalam kata perbilangan, “*seekor kerbau berkubang, semua kena lumpurnya*” dan “*sehina semalu*”. Begitu juga dengan peribahasa seperti, “*memperhujankan garam sendiri*”, “*menebas buluh serumpun*” dan “*seorang cecak, semuanya merasa pedih*”. Ketiga-tiga peribahasa tersebut membawa maksud, setiap perbuatan aib bukan sahaja memalukan individu yang melakukannya tetapi juga akan menjejaskan air muka orang disekelilingnya.

Pada asasnya, air muka membawa pengertian mendalam. Ia meliputi didikan kepada individu yang terlibat yang diperoleh daripada ibu bapa, guru dan kaum keluarga (Asmah Haji Omar, 1996:101-102). Justeru, perbuatan menjatuhkan harga diri kepada orang lain, terutamanya yang di luar lingkungan atau etnik mereka merupakan satu perbuatan yang tidak dapat ditebus, tidak dapat dibayar dan tidak dapat dibahagi-bahagikan. Rasa malu yang ditanggung oleh kaum kerabat membayangkan mereka tidak mampu mengawal dan melindungi anggota masyarakat mereka. Kegagalan ini dikaitkan pula dengan kegagalan mematuhi sistem hidup yang mereka muliakan dan menjadi pegangan seumur hidup, iaitu adat yang tinggi. Sesungguhnya, adat yang tinggi ini besar maknanya dalam membentuk peribadi anggota masyarakat adat. Contohnya, jika mereka melakukan kesalahan yang mengaibkan seperti mencuri atau mengemis, mereka akan menyembunyikan asal-usul kaumnya dengan tujuan memelihara nama baik asal-usulnya (Ali Akbar Navis, 1986:66).

Selain itu, anggota masyarakat juga diajar menyembunyikan keburukan daripada pandangan orang lain. Misalnya, kata perbilangan, “*memakan betul-betul habis, bersembunyi betul-betul hilang*”. Kata perbilangan ini bertujuan mengawal keadaan agar tidak ada anggota masyarakat yang ‘kena lumpur’. Ia juga membawa maksud bahawa sesuatu yang memalukan harus disembunyikan. Jika didedahkan untuk tujuan penyelesaian, kes itu hanya akan disampaikan kepada kerabat yang paling dekat atau kerabat yang lebih luas, bukannya orang luar di luar lingkungan kekerabatan. Dalam usaha menyelamatkan keadaan yang memalukan, anggota masyarakat harus bijak menanganinya. Usaha itu boleh dalam bentuk harta benda ataupun tipu muslihat. Perbuatan ‘tipu muslihat’ di sini merujuk kepada kata perbilangan “*hidup berakal*”. Habit menipu ini merupakan tabiat semula jadi manusia. Ianya juga dilakukan dalam usaha mengatasi masalah dan sebagai satu alternatif hidup mereka yang tidak suka mengharap belas kasihan orang yang di luar lingkungan kerabatnya. Masyarakat adat tidak memberikan simpatinya kepada orang yang tertipu kerana golongan ini disifatkan sebagai ‘kurang berakal’ dan hanya akan memalukan kaum kerabatnya. Justeru, inilah kekayaan kita dalam tabiat sopan-santun, berperilaku yang elok dan tidak menghebohkan sesuatu masalah yang dapat memalukan bangsa Melayu itu sendiri.

Dalam kiasan Melayu, terdapat ungkapan “*pukul anak sindir menantu*” yang berfungsi untuk menggambarkan keutuhan institusi kekeluargaan. Ungkapan ini memberikan peringatan kepada anggota masyarakat supaya berhati-hati apabila ingin memberikan teguran atau kritikan. Apatah lagi, jika orang yang

ingin ditegur itu adalah disegani. Dalam masyarakat yang berpegang kuat kepada adat, menantu biasanya merupakan ahli keluarga yang disegani oleh ibu bapa serta seluruh ahli keluarganya. Oleh itu, teguran terhadap menantu tidak boleh dibuat secara terus terang, sebaliknya perlu disampaikan secara halus. Ianya bertujuan untuk menjaga air muka menantu supaya tidak mendapat malu dan terasing berada dalam keluarga sendiri. Selain itu, konsep derhaka juga digunakan untuk mengurangkan tingkah laku 'kurang ajar' anak terhadap orang tuanya. Secara amalan, ibu bapa Melayu tidak menganggap anaknya kurang sopan jika si anak menyuarakan pendapat yang bertentangan dengan ibu bapa. Apa yang dipentingkan, ialah cara atau kaedah yang digunakan untuk menyampaikan pendapat tersebut. Ini termasuklah cara bertingkah laku, tutur kata dan bahasa yang digunakan hendaklah sopan supaya ianya tidak memalukan orang tua. Melalui cara ini, hubungan kekeluargaan akan menjadi lebih erat dan dapat dikekalkan.

S. Othman Kelantan (1992:50) menjelaskan, masyarakat Melayu pada masa dahulu sering mengingatkan diri mereka supaya tidak mengambil tindakan yang tergesa-gesa dan tindakan yang dikuasai oleh sentimen dan emosi. Ini kerana tindakan yang tidak rasional akan memalukan seluruh keluarga, jabatan dan negara. Hal ini terungkap dalam simpulan peribahasa, "*ayam terlepas tangan bau tahi*" yang membawa maksud sesuatu matlamat yang dikehendaki tidak dapat dicapai malah kemudiannya mendapat celaan. Begitu juga dengan ungkapan, "*seperti menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung jangan berserak*". Kiasan Melayu ini mengingatkan masyarakat supaya sesuatu

pekerjaan yang rumit dan sulit itu mestilah dijalankan dengan penuh berhati-hati, teliti, berpandangan jauh, sabar, ikhlas dan memikirkan keputusan yang positif demi menjaga kepentingan semua pihak. Sebaliknya, jika rambut yang ditarik itu putus, tentu sahaja tepung atau kuih tidak dapat dimakan; dan kalau ditarik tanpa bijaksana, kuih akan berserak-serak dan tentu sahaja tidak elok untuk hidangan. Oleh itu, tariklah dengan hati-hati dan fikirkan juga implikasi selepasnya. Jika tegang, lepaskan dahulu dan kemudian tarik kembali sehingga akhirnya rambut dapat dikeluarkan dan kuih dapat dihidangkan tanpa cacat celanya.

Perbicaraan tentang konsep malu turut mencetuskan kontroversi dan bias kepada mereka yang tidak memahami cara berfikir masyarakat adat. Misalnya, perbilangan “*biar mati anak, jangan mati adat*” pernah menjadi isu perdebatan dalam kalangan ahli masyarakat dan para budayawan. ‘Adat’ dalam kata perbilangan ini merujuk kepada adat yang menjadi undang-undang masyarakat adat Papatih. Makna lapis pertamanya, pemimpin adat lebih rela mati ‘anak’ daripada mati ‘adat’ jika dengan kematian ‘anak’ itu boleh menghidupkan institusi ‘adat’. Ini menunjukkan bahawa pemimpin adat mementingkan kesejahteraan masyarakat daripada kepentingan keluarga sendiri. Rasionalnya, jika ‘adat’ dihidupkan, adat boleh dimanfaatkan untuk seluruh sistem masyarakat dan jika ‘anak’ dihidupkan, manfaatnya hanya pada keluarganya sahaja. Makna lapis keduanya pula menonjolkan konsep keadilan yang dijunjung dalam sistem pentadbiran kemasyarakatan mereka. ‘Mati’ di sini tidak bermaksud mati secara mutlak tetapi merujuk kepada sebarang jenis hukuman yang dikenakan, tidak kira ringan atau serius dan dijatuhkan kepada sesiapa sahaja yang bersalah. Kata

‘anak’ di sini juga bukan bermaksud anak secara mutlak tetapi mungkin juga bermaksud seseorang yang berada di bawah jagaan atau kuasa si pemimpin. Jelasnya, hukuman tetap dijalankan walaupun pesalah terdiri daripada anak atau kaum keluarga sendiri. Melalui konsep keadilan ini, masyarakat adat Papatih berhasrat untuk melihat adat pegangan mereka dilaksanakan dan dipertahankan kerana adat ini seiring dengan kehendak agama Islam, iaitu menuju kebenaran (Norliza Haji Kamaruddin, 2001:114).

Penggunaan kiasan dapat mengelakkan konflik salah faham, mengekalkan hubungan baik di antara pengucap dan pendengar serta melambangkan imej pengucap yang bersih. Ada ketikanya, bahasa berkias ini lebih hebat kesannya daripada kritikan dan teguran secara langsung (Jeniri Amir, 2009:142). Kiasan Melayu bukan sekadar indah bahasanya tetapi apa yang lebih penting adalah maksud yang tersembunyi di sebaliknya. Walau bagaimanapun, dapatkah kita menghayati maksud tersebut dan sejauh manakah dapat kita mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Misalnya, pepatah "*dari telaga yang jernih, tak akan mengalir air yang keruh*", menguji ketahanan mental dan fizikal individu itu dalam usahanya membentuk nilai-nilai peribadi mulia supaya tidak akan lahir budi yang kasar. Justeru, ia menuntut manusia supaya lebih bersabar, jujur, redha, hidup berkasih sayang, toleransi dan sebagainya. Selain itu, peribahasa "*kutu mati di atas kepala, tuma mati di tepi kain*" juga membawa nasihat yang berguna. Peribahasa tersebut bermaksud, biarlah kita mati di tempat yang mulia kerana membuat pekerjaan yang baik, daripada mati di tempat yang hina kerana melakukan pekerjaan kejahatan. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berhati-hati

ketika melakukan sebarang pekerjaan supaya kesan yang ditinggalkannya nanti membawa kebaikan. Prinsip komunikasi seperti ini secara tidak langsung dapat mengekalkan ketenteraman sosial dan keharmonian sejagat yang merupakan sebahagian daripada tamadun manusia.

Demikianlah, betapa cerdik dan tingginya pemikiran manusia yang berjaya menggarap kepelbagaian bentuk kehidupan yang dialami melalui penggunaan unsur-unsur bahasa. Sememangnya, kiasan Melayu merupakan khazanah bangsa yang tiada tolok bandingnya dalam mencerminkan peradaban tamadun Melayu. Betapa luasnya fikiran dan renungan masyarakat Melayu tradisional sehingga mampu menasihati dan mendidik anggota masyarakatnya dengan cara yang paling halus. Konsep malu juga dilihat menjadi sebahagian daripada perkara yang dituntut dalam kiasan Melayu. Hal ini boleh dikesan melalui mesej tersurat dan tersirat dalam kiasan yang menekankan aspek tingkah laku dan tutur kata dalam kehidupan. Justeru, orang Melayu mesti mempunyai keperibadian yang baik supaya maruah bangsa Melayu dapat dimartabatkan. Oleh itu, sudah sewajarnya kiasan Melayu mendapat tempat yang penting, dipelihara kemurnian dan ketahanannya supaya tidak hilang dibawa arus kemodenan. Tegasnya, bahasa Melayu tidak miskin pepatah petitih, simpulan bahasa, peribahasa, kiasan dan perlambangan untuk mengungkapkan semua bidang dengan cara yang berseni.

1.9 Pandangan Sarjana Terhadap Konsep Malu

Konsep malu bagi masyarakat Melayu merujuk kepada satu sistem nilai dan kepercayaan yang perlu dikawal dan dijaga. Sistem nilai ini bagaimanapun banyak dipengaruhi oleh kebudayaan Islam yang mengatur tatacara hidup orang Melayu (Ismail Hamid, 1988:73). Dalam hubungan ini, Wan Abdul Kadir Wan Yusof (1998:85) menyatakan, orang Melayu amat menekankan nilai-nilai sosial yang perlu dipupuk daripada peringkat kanak-kanak lagi bagi menjamin perlakuan-perlakuan yang bersesuaian dengan kehendak masyarakat. Justeru, keseimbangan nilai antara kepentingan diri dengan kepentingan sosial, kepentingan terhadap harta dengan kepentingan rohani dan kepentingan dunia dan akhirat sentiasa diberikan perhatian. Matlamatnya, untuk melahirkan individu yang bertanggungjawab dan menyedari peranan mereka terhadap kepentingan sosial. Antara nilai-nilai yang menjadi tumpuan termasuklah saling hormat menghormati, bertolak ansur, bekerjasama, mengeratkan ikatan kekeluargaan dan semangat kejiwaan yang tinggi.

Dalam mempertahankan sistem nilai, masyarakat Melayu juga mempunyai tekanan sosial yang berkesan bagi memberi kesedaran kepada anggota masyarakat agar terus mempertahankan nilai-nilai sosial itu. Kaedahnya, mereka mengamalkan konsep 'malu', 'harga diri', 'maruah' dan 'air muka' yang dipercayai dapat memperkukuh struktur dan organisasi sosial. Lebih menarik, konsep-konsep itu berlandaskan kepada nilai-nilai Islam yang menjadi teras kepada tradisi budaya Melayu.

Mat Saat Baki (1993:352) menjelaskan, pandangan hidup masyarakat Melayu mempunyai keseimbangan antara kepercayaan, amalan dan kelakuan. Berasaskan ini, setiap individu hendaklah hidup berharmoni dengan diri dan alam sekitarnya. Keharmonian dapat dicapai jika setiap individu menjaga perlakuan, memelihara adat istiadat dan mematuhi pantang larang. Selain itu, nilai-nilai murni seperti bersopan santun, bermurah hati, beramah mesra dan bekerjasama mestilah diterapkan dalam kehidupan seharian. Manakala, unsur-unsur yang bersifat negatif mestilah dihindari dengan sepenuh hati. Dalam hal ini, masyarakat Melayu menolak perbuatan kasar dan biadab. Seseorang yang bersikap demikian, dianggap tidak tahu adat dan ini sangat memalukan. Tambahan pula, masyarakat Melayu bertingkah laku mengikut tradisi adat yang selari dengan ajaran-ajaran Islam. Sememangnya, Islam dan adat merupakan dua faktor penting yang membentuk sistem nilai masyarakat Melayu. Kedua-dua elemen ini menganjurkan setiap individu agar sentiasa menjaga tatacara bertingkah laku supaya tidak terpesong daripada landasannya. Dalam hubungan ini, tingkah laku berbudaya dan berbahasa dipengaruhi oleh akhlak yang bermaksud tabiat, perangai atau amalan dalam sistem perilaku yang dibuat. Secara asasnya, akhlak merupakan sistem nilai yang dijadikan landasan untuk menentukan baik buruknya tindakan atau perilaku seseorang itu (Salinah, 2005:51).

Setiap tingkah laku mempunyai cara yang betul untuk melakukannya. Ertinya, sesuatu yang bersifat formal atau menjadi kebiasaan akan dianggap betul. Tetapi, jika individu itu terkeluar daripada formaliti, dia dianggap tidak sopan dan biadab. Seterusnya, hal ini dikaitkan pula dengan tingkah laku normal dan tidak

normal. Seseorang yang berkelakuan normal, dapat menyesuaikan dirinya dengan kehendak hidup dan persekitaran. Ini termasuklah cara dan gaya dia bertindak terhadap orang lain, memikul tanggungjawab, mengendalikan tekanan dan ketegangan serta memenuhi keperluan sendiri. Tingkah laku tidak normal pula dikaitkan dengan penyakit jiwa. Ia boleh berlaku apabila seseorang itu gagal mengendalikan tekanan yang dihadapinya. Dalam masyarakat Melayu, penyakit jiwa tidak boleh dipisahkan daripada sistem kepercayaan, sistem nilai dan pandangan hidup orang Melayu itu sendiri. Ketiga-tiga faktor ini menjadi teras kebudayaan Melayu.

Dalam masyarakat Melayu, tingkah laku seperti latah dianggap biasa dan merupakan sebahagian daripada kehidupan orang Melayu. Tingkah laku latah tidak digolongkan ke dalam kumpulan tingkah laku gila atau tidak normal walaupun tingkah laku orang yang melatah menunjukkan keganjilan. Ia dipamerkan dalam bentuk tingkah laku terkejut, tingkah laku berulang, bercakap berulang-ulang tentang sesuatu objek dan juga mencarut. Pelbagai rangsangan boleh mencetuskan tingkah laku latah. Antaranya, bunyi yang kuat, terkejut, pekikan, digeletak atau ketawa. Perbuatan seperti ini, secara tidak langsung bolehlah dikaitkan dengan konsep malu orang Melayu. Misalnya, individu yang tersedar dari latah biasanya akan merasa malu dan tersipu-sipu terutamanya jika dia diberitahu mengenai apa yang dilatahkannya (Mat Saat Baki, 1993:370). Lebih buruk lagi, jika apa yang dilatahkan itu bersifat keterlaluan sehingga boleh mengaibkan diri sendiri dan orang lain. Justeru, individu yang terbabit perlulah merawat tingkah laku latah supaya tidak hilang kawalan terhadap tingkah

lakunya. Sudah tiba masanya, masyarakat Melayu mengubah mentaliti dan tanggapan bahawa tingkah laku latah merupakan perkara biasa atau bahan pencetus hiburan. Mereka perlu sedar bahawa tingkah laku latah boleh mengugat keharmonian manusia sejagat sekali gus menjatuhkan martabat bangsa Melayu keseluruhannya.

Menurut Thoedorson dan Theodorson (1979), sistem nilai memberikan suatu rangka kerja untuk penganalisan norma-norma masyarakat, keunggulan, kepercayaan dan kelakuan. Oleh yang demikian, sistem nilai mesti ada dan perlu diterima oleh sebilangan besar ahli masyarakat bagi menjamin kewujudan dan kekekalannya. Dalam sistem ini sememangnya telah tersusun nilai baik, kurang baik dan tidak digalakkan (Wan Abdul Kadir dan Ku Zam Zam, 1996:4). Dalam hubungan ini, orang Melayu dikatakan mudah berasa terhina jika bangsanya tidak mempunyai maruah atau memiliki perasaan malu. Ini kerana sistem nilai dan kepercayaan itu sendiri merupakan pegangan dan amalan bangsa Melayu. Dengan kata lain, ia memperlihatkan kehidupan dan mencerminkan keperibadian bangsa Melayu itu sendiri. Dalam hal ini, Mohd. Taib Osman (1988) menyatakan bahawa setiap amalan dan kepercayaan yang mendasari kehidupan orang Melayu mestilah berteraskan ajaran Islam. Dari ajaran tersebut, bangsa Melayu membentuk budaya hidupnya selari dengan apa yang terkandung dalam Al-Quran. Walaupun, sesuatu tradisi itu ada kalanya tidak bersesuaian tetapi mereka perlu membinanya berlandaskan kepada kerangka fikiran yang berlandaskan Islam. Hal ini turut melibatkan konsep malu yang meliputi semua tingkah laku, amalan, kepercayaan dan cara hidup bangsa Melayu.

Dalam Islam, konsep malu dikenali juga sebagai ‘*al-Haya*’, yang menegaskan sifat malu sebahagian daripada budi pekerti. Sifat malu inilah yang mendorong seseorang itu untuk melakukan amalan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran serta kejahatan. ‘*Al-Haya*’ juga digambarkan sebagai suatu keadaan yang menimpa manusia sehingga manusia tersebut merasa risau kerana telah melakukan sesuatu yang dianggapnya cela dan dimurkai Allah. Perasaan risau itu akhirnya mencetuskan perasaan malu, hina dan aib. Oleh yang demikian, konsep malu ini secara tidak langsung merupakan konsep kesedaran berakhlak bagi masyarakat Islam. Konsep malu sebenarnya timbul daripada dua bentuk kesedaran dalam diri seseorang individu, iaitu antara sifat takutnya sendiri dengan sikap baik hatinya. Nabi Muhammad S.A.W pernah menegaskan konsep malu itu dengan sabda yang bermaksud, “Malu itu suatu ciri akhlak yang mulia kerana ia menghindarkan seseorang daripada melakukan sesuatu yang salah dan terkutuk”. Justeru, ia jelas menunjukkan bagaimana Nabi Muhammad S.A.W. sangat menekankan konsep malu dalam kemurnian tingkah laku dan juga dalam segala tindak-tanduk individu Muslim (Mohamed Mansor Abdullah, 1993:252). Walau bagaimanapun, pandangan yang dikemukakan oleh sarjana Barat iaitu Zimbardo dan Radl tentang konsep malu adalah bertentangan dengan konsep malu mengikut pandangan Islam. Menurut Zimbardo dan Radl:

Shyness creates extreme self-consciousness and pre-occupation with one's performance. Shyness reinforce one's sense of low self-esteem, creating even more self-doubt. It keeps people from taking risks, and this in turn keeps them from reaching their full potential.

Zimbardo dan Radl (1979 : 5)

Kenyataan Zimbardo dan Radl menjelaskan bahawa sifat malu merupakan suatu elemen yang negatif. Ia merupakan halangan bagi individu untuk melakukan sesuatu perkara walaupun untuk mencuba. Ini kerana perasaan malu yang wujud dalam diri seseorang itu telah menyebabkannya bersikap pasif. Dengan perkataan lain, perasaan malu diterjemahkan sebagai satu unsur yang menghalang bangsa Melayu daripada berfikir, bertindak dan bertingkah laku secara positif. Seterusnya, ia tidak dapat memperkembangkan kebolehan dan potensi yang ada dalam diri individu, sekali gus gagal mencapai matlamat hidup. Kenyataan ini sama sekali bercanggah dengan pandangan Islam yang meletakkan konsep malu di tempat yang mulia dan tinggi. Menurut Islam, sifat malu mesti ada dalam diri setiap individu Muslim kerana kesan yang ditimbulkannya adalah membawa kebaikan. Semakin kuat rasa malu dalam diri, semakin lemah dorongan untuk melakukan perbuatan berdosa. Sebaliknya, semakin lemah malu seseorang, maka semakin kuat keinginan untuk melakukan perbuatan berdosa.

Tenas Effendy (2002:36) pula menyatakan, salah satu nilai utama dalam budaya Melayu ialah perasaan aib dan malu. Orang Melayu dikatakan amatlah menjaga dirinya supaya tidak mendapat aib dan malu serta tidak pula membuang rasa aib malunya. Sikap hidup “tak beraib malu”, atau “tak bermalu” amatlah ditabukan dalam kehidupan orang Melayu. Ini kerana, budaya malu telah sebatikan dalam kehidupan orang Melayu. Budaya malu ini kemudiannya telah menjadi jati diri orang Melayu, seperti mana ungkapan “*maruah Melayu terletak pada rasa aib dan malu*”. Oleh itu, orang Melayu mestilah sentiasa menjaga dirinya supaya dipandang tinggi dan dimuliakan orang sehingga ke akhir hayatnya.

Dalam bidang psikologi juga, ramai ahli psikologi Barat telah membuat kajian dan memberikan pandangan masing-masing tentang konsep malu. Antaranya termasuklah Buhler, Hetzer dan Hurlock dan Sender (Mohamed Mansor Abdullah, 1993:254) yang menyentuh berkenaan dengan fasa negatif (*negative phase*). Berdasarkan kepada fasa tersebut, seseorang itu akan mengalami perasaan malu yang mana perasaan ini akan menyebabkan seseorang itu menjadi tidak tentu hala dan kacau. Orang yang mengalami perasaan malu ini bukan sahaja tidak dapat mengawal dan menenangkan fikirannya, tetapi juga tidak dapat mengawal tingkah lakunya termasuklah tingkah laku tanpa lisan (*non-verbal behavior*). Malah, mereka akan bertindak ganas dan liar yang membahayakan diri sendiri serta orang lain. Bailey dan Bremer (1938) pula mengaitkan perasaan rasa bersalah terhadap diri sendiri juga mengakibatkan rasa malu. Oleh sebab seseorang itu rasa bersalah, maka emosinya mendorongnya mengalami perasaan malu sehingga dia menjadi begitu tertekan. Seterusnya, rasa malu yang semakin menebal dalam jiwanya akan menambahkan lagi rasa bersalah sehingga dia mencari jalan mudah untuk menghilangkan kedua-dua perasaan negatif itu. Menurut Bailey dan Bremer lagi, rasa bersalah mungkin juga mengakibatkan munculnya perasaan takut (*fear*). Dalam hubungan ini, Ax (1953) pula menjelaskan tindak balas kepada perasaan takut dan marah seseorang individu itu akibat sesuatu kejadian atau tragedi yang diterima oleh orang itu. Malu yang tidak dapat diredakan akan menyebabkan seseorang berasa bersalah dan takut pada dirinya serta tiba-tiba menjadi marah tidak tentu pasal.

1.10 Hubungan Budaya dengan Air Muka

Hakikatnya, istilah ‘budaya’ dan ‘kebudayaan’ adalah istilah baharu bagi orang Melayu kerana kedua-dua perkataan ini tidak pernah wujud dalam perbendaharaan kata Melayu lama. Perkataan-perkataan tersebut hanya muncul pada tahun 1920 di Indonesia dan muncul di Tanah Melayu pada tahun 1950-an dengan meminjamnya dari Indonesia. Istilah ‘budaya’ dikatakan tercetus daripada konsep *culture* yang berakar daripada pemikiran Barat (Anwar Din, 2008:22). Konsep budaya yang diutarakan oleh Tylor (1958) pula merujuk kepada satu keseluruhan yang kompleks meliputi aspek pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat resam dan segala kemahiran serta tingkah laku yang diwarisi oleh manusia yang hidup bermasyarakat. Dengan kata lain, budaya merujuk kepada gaya atau cara hidup, atau sesuatu yang merupakan kebiasaan dalam masyarakat. Budaya juga adalah simbol, makna, andaian dan peraturan yang dibentuk dan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi.

Budaya hari ini adalah berlandaskan pada kebudayaan tradisional yang diwarisi sejak berabad-abad lamanya. Dalam budaya Melayu, bahasa memainkan peranan penting dalam perhubungan antara manusia dengan masyarakat, sehingga bahasa disamakan dengan adat atau kelakuan seseorang (Hassan Ahmad, 2006:168). Pola-pola perlakuan adalah berdasarkan sistem nilai dan *world-view* masyarakatnya. Sistem nilai merupakan susunan ukuran, iaitu apa yang dianggap sebagai dikehendaki atau diingini dan apa yang dianggap tidak dikehendaki atau tidak diingini. Pembahagiannya tidak pula tegas kerana sistem nilai sebenarnya

adalah susunan yang bertingkat-tingkat dan ada masanya bercanggah antara satu nilai dengan nilai yang lain. *World-view* pula merupakan pengetahuan dan kepercayaan terhadap alam sekeliling yang terdapat dalam sesuatu budaya (Mohd. Taib Osman, 1988:8-13).

Menurut Saodah Wok, Narimah Ismail dan Mohd. Yusof Hussain (2003:125), terdapat beberapa aspek atau dimensi yang membezakan antara budaya. Dimensi-dimensi yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:

1. Agihan kuasa - orang yang kurang berkuasa dikatakan menerima agihan kuasa yang tidak sama rata berbanding orang yang berkuasa. Kajian menunjukkan penerimaan agihan kuasa yang tidak sama rata adalah bersifat sederhana bagi mereka yang dalam kalangan budaya Timur. Manakala, penerimaan dalam kalangan budaya Barat pula adalah rendah.
2. Pandangan terhadap gender - peranan dan kuasa yang dimiliki oleh seseorang itu bergantung kepada gender. Bagi masyarakat Barat, kaum lelaki yang berjaya dan mempunyai wang dikatakan mempunyai nilai yang tinggi. Masyarakat Timur pula meletakkan penghargaan yang lebih terhadap kaum lelaki yang berjaya dan mempunyai kewangan yang kukuh. Nilai yang diberikan terhadap golongan ini adalah sangat tinggi.
3. Mengelak ketidakpastian - ia merujuk kepada situasi di mana individu dalam budaya tertentu merasa terkejut dengan perkara yang kabur, tidak jelas dan cuba mengelak ketidakpastian. Persoalannya, setakat manakah perkara ini berlaku? Orang Barat dikatakan tidak dapat menerima masalah kekaburan dan ketidakpastian dalam banyak perkara. Sebaliknya, mereka menghendaki

masalah tersebut diperjelaskan dengan segera. Namun, ia berbeza dengan orang Timur yang didapati dapat menerima dan bertahan dengan masalah ketidakpastian dalam banyak perkara.

4. Individualisme - setakat mana budaya mementingkan diri ataupun kumpulan. Adakah keluarga lebih penting daripada kumpulan? Orang Barat dikatakan lebih mementingkan diri sendiri berbanding orang Timur yang mengutamakan anggota kumpulannya.

Berdasarkan dimensi-dimensi itu, budaya dapat dibahagikan kepada budaya konteks tinggi (*high-context culture*) dan budaya konteks rendah (*low-context culture*). Budaya konteks tinggi, ialah budaya yang kebanyakan maklumat dikomunikasikan terletak dalam konteks fizikal atau di dalam diri individu dan sedikit sahaja dalam bentuk kod yang jelas. Ia merupakan sebahagian daripada mesej. Ini memberi gambaran komunikasi dalam bentuk tersurat (*verbal*) dan tersirat (*non-verbal*). Budaya konteks tinggi dikatakan lahir dalam kalangan masyarakat Timur. Budaya konteks rendah pula merujuk kepada budaya yang mana semua maklumat dalam komunikasi, dinyatakan dengan jelas dalam bentuk kod verbal. Misalnya, masyarakat Barat mengutamakan mesej yang dinyatakan dengan jelas iaitu secara verbal. Oleh itu, setiap individu perlu memahami jenis budaya di tempat kita berkomunikasi. Jika kita berada dalam budaya konteks tinggi, kita perlu berupaya mentafsir maksud yang tidak hanya berasaskan verbal tetapi juga memahami mesej bukan verbal. Setiap perbuatan dan tutur kata kita mesti dijaga supaya tidak menyinggung perasaan anggota masyarakat itu (Saodah Wok, Narimah Ismail dan Mohd. Yusof Hussain (2003:126-131). Dalam budaya

rumpun Melayu, menjaga harga diri atau air muka amat penting kerana 'air muka' membawa pengertian mendalam yang meliputi didikan individu yang terlibat dan diperoleh daripada ibu bapa, guru dan kaum keluarga (Asmah Haji Omar, 1996:101-102).

Konsep mempertahankan 'air muka' adalah berbeza-beza mengikut budaya masing-masing. Menurut Brown dan Levinson (1987), *face* atau 'air muka' merujuk kepada nilai diri (*self-worth*) atau imej diri (*self image*) yang dimiliki oleh individu itu. Imej atau kendiri tersebut perlu dijaga setiap masa sama ada di hadapan khalayak ataupun bersifat peribadi. Terdapat dua bentuk 'air muka', iaitu muka positif (*positive face*) dan muka negatif (*negative face*). Melalui interaksi, variasi muka positif menunjukkan kemahuan dalaman individu yang ingin dihormati, disayangi, dihargai dan diterima oleh pihak lain. Variasi muka negatif pula merupakan kehendak untuk mempertahankan hak, bebas bertindak dan keinginan untuk tidak diganggu. Muka bagi masyarakat Melayu pula adalah sangat luas dan mempunyai perkaitannya dengan Allah. Setelah menjaga mukanya dengan Allah, barulah manusia mampu menjaga mukanya dengan manusia lain. Ini bermakna, setiap perlakuan manusia yang santun adalah ibadah (Sanat Md Nasir, 1998:116). Dalam konteks kajian, 'air muka' orang Melayu adalah berasaskan kepada peristiwa-peristiwa malu yang dicetuskan melalui tutur kata dan tingkah laku. Dalam hubungan ini, Teori Pengurusan Air Muka Ting-Toomey (1988) dapat menjelaskan kaedah yang digunakan oleh orang Melayu dalam menguruskan 'air mukanya' yang telah terjejas dan seterusnya menangani konflik diri akibat peristiwa malu itu.